

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 30.10.2014

SOALAN :

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) peranan Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris dalam mempertingkatkan tahap pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dalam negara; dan
- (b) inisiatif yang diambil bagi memperkuuhkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar mahupun guru dan pengajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Majlis Penarafan Standard dan Kualiti Bahasa Inggeris (MPSKBI) diwujudkan sebagai satu inisiatif pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan dianggotai oleh tujuh (7) Panel Pakar Bahasa Inggeris untuk membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam:

- 1) Menentukan standard penguasaan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Inggeris (BI);
- 2) Membuat verifikasi standard kandungan pembelajaran dan standard prestasi BI; dan
- 3) Menyetarafkan standard BI dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan di bawah KPM dari peringkat prasekolah ke Tingkatan Enam, Matrikulasi dan Latihan Perguruan di Malaysia.

Panel pakar BI yang sedang berkhidmat sekarang (2012-2014) terdiri daripada lima (5) pakar BI daripada tiga (3) universiti awam (Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA), dua (2) daripada universiti swasta (Nottingham University, cawangan Malaysia dan Kolej INTI, Nilai), seorang pakar/penulis bebas dan seorang wakil daripada British Council.

Di sepanjang tahun 2013 hingga 2014, MPSKBI telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi membantu mempertingkatkan standard dan kualiti BI di pelbagai peringkat. Di antaranya ialah:

- 1) Menyemak Modul Guru dan Murid bagi Program LINUS 2.0 Bahasa Inggeris dan mencadangkan langkah penambahbaikan.
- 2) Meneliti kurikulum Program *Bachelor of Education (Hons) Primary Education with English*, Kirkby International College.
- 3) Membuat semakan terhadap Modul Program Peningkatan Profesionalisme Bahasa Inggeris Guru Prasekolah.

- 4) Menganjurkan Symposium *Common European Framework of Reference for Languages CEFR* 2013 dengan tema *Towards Language Education Transformation in Malaysia* pada 29-30 Oktober 2013.
- 5) Menghasilkan satu *position paper* yang menyokong penggunaan *CEFR* sebagai piawaian BI antarabangsa di Malaysia.
- 6) Menyediakan dokumen *Roadmap for English Language Development in Malaysia*.

- (b) Inisiatif yang diambil bagi memperkuatkan penguasaan BI dalam kalangan murid mahupun guru dan pengajar dibahagi kepada lima fokus utama berdasarkan tujuan dan sasaran iaitu kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran, latihan profesional keguruongan dan program sokongan.